

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. EWON BIN EBIN  
[ RANAU ]**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [ Ranau ] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-**

- (a) berapakah unjuran pendapatan negara hasil daripada pelaksanaan cukai pelancongan; dan
- (b) apakah kaedah yang digunakan bagi mengagihkan kutipan cukai pelancongan ini kepada negeri Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menganggarkan kutipan Cukai Pelancongan yang bakal dikutip adalah sebanyak RM211,422,600 bagi tempoh setahun berdasarkan Purata Kadar Penginapan atau *Average Occupancy Rate* (AOR) sebanyak 60 peratus daripada jumlah 241,350 bilik bagi premis penginapan yang berdaftar di bawah Kementerian ini. Kementerian juga menjangkakan jumlah kutipan ini akan menjadi lebih tinggi apabila lebih banyak premis penginapan yang akan tampil mendaftar berikutkuatkuasanya Akta Cukai Pelancongan.

Berkenaan dengan agihan hasil Cukai Pelancongan, Kementerian ini bercadang untuk mengagihkan semula RM1.00 bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi sektor pelancongan bagi memastikan semua negeri mendapat hasil daripada kutipan cukai. Kementerian akan berusaha untuk memastikan agihan hasil kutipan cukai pelancongan dimanfaatkan sebaiknya bagi menambah baik industri pelancongan negara termasuk kepada Negeri Sabah dan Sarawak daripada segenap aspek seiring dengan kedudukannya sebagai salah satu sumber pendapatan utama negara.

Sekian, terima kasih.